



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2016/11/95 (HQ)

DEEPAVALI LEBIH BERMAKNA UNTUK WALLIAMAH

- Terima bantuan projek Mesra Rakyat TNB

Sambutan perayaan Deepavali tahun ini lebih ceria buat Puan Walliamah a/p Subramaniam setelah Tenaga Nasional Berhad (TNB) membina semula kediamannya di Kampung Baru Jementah, Segamat, Johor menerusi Projek Mesra Rakyat TNB.

Rumah asalnya yang usang telah dibina semula sepenuhnya di tapak yang sama oleh TNB dengan kos RM50,000.

Warga emas berumur 63 tahun itu tiada pekerjaan tetap dan bergantung kepada pencen penakat mendiang suaminya berjumlah RM300 sebulan.

Rumah baru Puan Walliamah dirasmikan hari ini oleh Menteri Kesihatan Malaysia merangkap Ahli Parlimen Segamat, YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam. Turut hadir Ahli Lembaga Pengarah TNB, Datuk A. Sakthivel.

PMR adalah susulan daripada saranan supaya Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) membantu membaik pulih kediaman penduduk miskin luar bandar, ibu tunggal dan warga emas.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2013, 92 orang penerima telah mendapat faedah dari PMR dengan kos keseluruhan RM1.9 juta.

Dikeluarkan di Segamat, Johor pada 12 November, 2016

*Sila majukan sebarang pertanyaan media kepada Mohd Syafiq b Khairul Salleh di 013-3432346 / Nor Hanim Idris di talian 019-2617617 / Norfadzilah Bte Sha'ary di talian 019-3369681
media@tnb.com.my*